

AXCEL HYDROCORTISONE CREAM

Hydrocortisone (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Hydrocortisone Cream.
2. Bagaimana Axcel Hydrocortisone Cream berfungsi
3. Sebelum mengguna Axcel Hydrocortisone Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Hydrocortisone Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Hydrocortisone Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Penyimpanan dan pelupusan Axcel Hydrocortisone Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskin RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Hydrocortisone Cream

Axcel Hydrocortisone Cream digunakan bagi rawatan simptomatik masalah kulit seperti:

- Alergi gangguan kulit dan lain-lain gangguan seperti keradangan kulit termasuk gigitan serangga, ekzema, keradangan di sekeliling dubur, alat kelamin dan mulut, jangkitan *lichen* yang gatal dan psoriasis.

Bagaimana Axcel Hydrocortisone Cream berfungsi

Axcel Hydrocortisone Cream mengandungi ubat yang dikenali sebagai hydrocortisone. Hydrocortisone ialah steroid yang mempunyai tindakan anti-radang, anti-gatal dan penyempitan salur darah.

Sebelum menggunakan Axcel Hydrocortisone Cream

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Hydrocortisone Cream jika:

- Anda hipersensitif atau alergi pada mana-mana komponen krim ini.
- Anda menghadapi jangkitan tibi kulit.
- Anda menghadapi jangkitan kulat.
- Anda menghadapi cacar air.

- Anda menghadapi *herpes simplex* (jangkitan virus).
- Gegendang telinga anda berlubang
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Anda mengandungi, sedang merancang untuk mengandungi atau mungkin mengandungi.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Hydrocortisone Cream

Anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan.
- Anda menghadapi jangkitan peringkat awal.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengguna Axcel Hydrocortisone Cream dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Hydrocortisone Cream

Krim ini bertujuan bagi penggunaan luaran sahaja.

-Berapa banyak harus digunakan

- Gunakan dalam kuantiti yang kecil pada kulit yang berkaitan 2 atau 3 kali sehari setelah membersihkan kawasan tersebut dengan lembut.
- Apabila kesan yang baik diperolehi, penggunaan mungkin boleh dikurangkan kepada 1 atau 2 kali, dan seterusnya menghentikan penggunaan.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu menggunakan Axcel Hydrocortisone Cream mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Hydrocortisone Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Hydrocortisone Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Hydrocortisone Cream dengan sesiapa, walaupun mereka

AXCEL HYDROCORTISONE CREAM

Hydrocortisone (1% w/w)

mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Kesan sampingan sistemik mungkin berlaku dengan penggunaan secara meluas.
- Penggunaan balutan tertutup adalah tidak digalakkan.
- Elakkan tempoh penggunaan topikal yang berpanjangan pada bayi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Hydrocortisone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Tanda regangan.
- Kekeringan kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Penyimpanan dan pelupusan Axcel Hydrocortisone Cream

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Hydrocortisone Cream dari jangkauan kanak-kanak. Pastikan bekas ubat tertutup rapat. Simpan krim anda di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Hydrocortisone Cream yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Hydrocortisone Cream bersifat licin/lembut, berwarna putih dan merupakan krim larut air.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:

Hydrocortisone.

- Bahan Tidak Aktif:

Dehydag wax "0", Cremophor A6, Cremophor A25, Liquid Paraffin, Propylene Glycol, Chlorocresol, Sodium Dihydrogen Phosphate, Purified Water.

-Nombor MAL

MAL19890600AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/01/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)261217/00373